

Mercu rancang buka dua lagi pusat jagaan pelajar di sekolah rendah

Oleh **NUR DHUHA ESOOF**
nurdhuha@sph.com.sg

MERCU Learning Point (Mercu) akan membuka dua lagi Pusat Penjagaan Pelajar (SCC) di sekolah rendah menjelang 2015.

Ini bermakna Angkatan Karyawan Islam (AMP) bakal mengendalikan sebanyak sembilan SCC.

Tahun lalu, Mercu menubuhkan tiga SCC di Sekolah Rendah Da Qiao di Ang Mo Kio Street 54; Sekolah Rendah Riverside (Woodlands Crescent); dan Sekolah Rendah Cantonment (Tanjong Pagar).

Sebelum itu, ia telah pun menubuhkan empat SCC di Sekolah Rendah East Coast (Chai Chee Lane); Fuhua (Jurong East Street 13); Bedok West (Bedok Reservoir Crescent); dan Edgefield (Punggol).

Pengurus Besar Mercu, Encik Azman Atan, berkata pihaknya belum dapat menentukan bila dua SCC itu akan ditubuhkan kerana masih memantau situasi.

“Kami memang mempunyai rancangan menubuhkan dua lagi SCC, namun buat masa ini kami sedang menunggu permintaan dan tender dibuka untuk menubuhkan pusat-pusat itu di sekolah,” kata Encik Azman ketika dihubungi baru-baru ini.

Rancangan meningkatkan bilangan SCC merupakan sebahagian daripada pelan lima tahun Mercu yang dilancarkan pada tahun 2010.

Di bawah pelan itu, Mercu merancang menambah lagi lima pusat penjagaan pelajar dan sebuah tajaka menjelang 2015.

Tajaka baru, Kidz Meadow Childcare, di Blok 986C Buangkok Crescent telah pun dibuka Oktober lalu dan kini hampir memenuhi had pengambilan pelajarannya.

Menurut Encik Azman, pusat-pusat penjagaan pelajar Mercu sejauh ini menerima sambutan baik.

“Kebanyakan pusat kami sudah penuh dan ada beberapa pusat yang mempunyai pelajar dalam senarai menunggu,” kata Encik Azman, 42 tahun.

Mercu menawarkan khidmat penjagaan pelajar kepada kanak-kanak berusia antara tujuh dan 12 tahun.

Ia antara lain menyelia pelajar menelaah pelajaran, menawarkan kelas-kelas tuisyen bagi mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan bahasa Cina serta mengadakan aktiviti-aktiviti menarik dan kreatif untuk pelajar.

Tahun lalu, Pengurus Besar Mendaki Sense, Cik Shenaz Poonawala, mengumumkan bahawa cawangan latihan Yayasan Mendaki itu bersama tiga lagi badan bantu diri akan menubuhkan beberapa pusat penjagaan pelajar di tiga sekolah rendah.

Pusat-pusat itu dirancang ditubuhkan bulan ini bersama Majlis Bantuan Pembangunan Masyarakat Cina (CDAC), Persatuan Pembangunan Masyarakat India Singapura (Sinda) dan Persatuan Serani (EA).

Selain Mercu dan Mendaki, badan-badan Melayu/Islam lain seperti Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) dan Jamiyah juga menawarkan khidmat penjagaan pelajar.